

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN MINGGU KEBAJIKAN HAIWAN
Lokasi : SELANGOR TURF CLUB, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
Tarikh : 14-12-1985

Dif-Dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya berasa gembira di atas jemputan dan penghargaan yang diberi kepada saya untuk melancarkan Minggu Kebajikan Haiwan atau 'Animal Welfare Week' ini, iaitu kali pertama yang pernah diadakan di Malaysia, dan mungkin di rantau ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan, the Society for the Prevention of Cruelty to Animals, dan Pertubuhan-pertubuhan serta orang-orang persaorangan yang bukan sahaja telah menunjukkan perasaan kasih dan baik hati, tetapi juga telah menyumbang kan masa, tenaga dan wang untuk menjayakan program pembawa kesedaran terhadap kebajikan haiwan ini ke seluruh negara.

2. Manusia telah berkait-rapat dengan haiwan semenjak zaman dahulukala lagi, bilamana penyaraan hidup manusia ialah sebagai pemburu. Peristiwa ini memang dapat dikesan daripada lukisan-lukisan berusia lebih daripada 20,000 tahun yang terdapat di dinding-dinding gua dan yang menggambarkan bahawa manusia sudahpun mempunyai pengetahuan mendalam tentang rupabentuk dan struktur badan haiwan di masa itu.

3. Haiwan ulung yang pernah dijinakkan untuk pemeliharaan ialah anjing. Kemudian, iaitu lebih kurang 12,000 tahun dahulu, manusia di rantau Barat Laut Benua Asia, telah menemui cara-cara mengembala ternakan dan bertani. Hari ini berjuta-juta ternakan sedang dipelihara dan diternak untuk menghasilkan makanan, mengadakan tenaga-kerja, dijadikan sumber pengangkutan, sebagai haiwan timangan (pets) serta untuk sukan dan untuk hiburan.

Tuan-tuan dan Puan-puan, 4. Haiwan memang boleh memberi khidmat kepada pelbagai sudut kehidupan manusia. Bulu, rambut dan kulitnya dijadikan pakaian dan bahan pengalas. Tanduk, kuku dan tulang pula digunakan sebagai bahan alatkerja dan perhiasan.

Daging, susu serta telur memang sudah lama dijadikan sumber makanan yang berkhasiat untuk kesihatan tubuh badan.

Manusia juga memelihara kucing dan lain-lain haiwan sebagai haiwan timangan. Selanjutnya haiwan boleh dilatih bagi maksud menghibur di sarkis atau pertunjukan. Penglibatan emosi manusia terhadap haiwan adalah amat erat sekali, dan kadangkala tidak dapat dihuraikan dengan jelas.

5. Sekarang ini, haiwan-haiwan adalah dipelihara khas untuk memainkan peranan positif dalam membantu manusia menempuhi kehidupan moden. Anjing diberi latihan khas untuk membantu orang-orang cacat penglihatan, menyelamatkan orang-orang yang ditimpa kemalangan akibat bencana alam atau kecemasan-kecemasan lain, mengesan dadah merbahaya, dan kesemua ini adalah dianggap terkeluar daripada fungsi-fungsi biasa haiwan itu. Peranan haiwan di bidang penyelidikan perubatan, penerokaan angkasa lepas dan pendidikan adalah di anantara pengorbanan dan sumbangan yang jarang sangat diberi penghargaan.

6. Di negara-negara yang kurang membangun, sistem pengangkutan dan pemunggahan amat bergantung kepada tenaga haiwan. Dengan ketiadaan sumber tenaga haiwan sedemikian di negara-negara tersebut, kemungkinan besar kerja-kerja pembangunan akan terhenti sama sekali. Walaupun manusia menggunakan haiwan untuk membantu mereka dalam tugas-tugas mereka, sedikit benar perhatian dan tumpuan yang diberikan kepada kehidupan haiwan. Sungguhpun kesedaran terhadap kebajikan haiwan telah bertambah dengan meluasnya di kalangan penduduk-penduduk di negara-negara Barat, pada umumnya negara-negara membangun masih belum menunjukkan pengiktirafan ke arah keperluan kebajikan haiwan, melainkan kumpulan-kumpulan orang yang tertentu

sahaja.

7. Sama ada seseorang itu membela haiwan timangan atau memelihara beberapa ekor ternakan di kampung, keperluan asas berbentuk penjagaan yang betul hendaklah sentiasa diamalkan.

Cuma persekitaran yang bersih, makan minum serta jagaan yang cukup adalah memadai untuk menentukan kesihatan haiwan ini.

Langkah dan sikap sedemikian tidaklah boleh dianggap sebagai keterlaluan sekiranya ditumpukan kepada haiwan-haiwan itu, memandangkan khidmat yang diberikan oleh haiwan-haiwan terhadap penternaknya.

Tuan-tuan dan Puan-puan, 8. Saya memang sedar, ada di antara negara-negara yang mana penduduknya sedang menghadapi masalah kelaparan atau kesihatan. Mungkin dalam keadaan sedemikian kekurangan jagaan terhadap haiwan bolehlah dimaafkan. Tetapi di negara kita, di mana kebuluran tidak berlaku dan di mana kebajikan penduduknya boleh dikatakan mewah, tidak ada sebab mengapa haiwan-haiwan kepunyaan kita itu diabaikan, lebih-lebih lagi disiksa. Penganiayaan terhadap haiwan tidaklah dapat diterima dalam masyarakat kita. Membaling batu, melemas dan mencederakan ternakan atau haiwan bukan sahaja satu perbuatan penyiksaan tetapi juga kelakuan yang tidak berperikemanusiaan, dan tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat yang bertanggungjawab.

9. Saya berharap kita semua akan merenung akan kebajikan haiwan pemeliharaan masing-masing bukan sahaja dalam jangkamasa Minggu Kebajikan Haiwan ini tetapi juga sepanjang masa haiwan-haiwan itu berada dalam jagaan kita. Setiap pemilik atau penternak hendaklah menentukan bahawa haiwan pemeliharaannya itu diberi makan dan minum yang cukup, dan menjaga dengan penuh kesanggupan dan kesedaran agar kehidupan haiwan itu selesa dan sempurna. Kita semua perlu mengasihani dan menyayangi mahkluk Tuhan ini dengan harapan mereka dapat mengekalkan peranan penting mereka kepada manusia. Adalah juga menjadi hasrat saya bahawa anak-anak kita nanti akan lebih berkeupayaan daripada kita sendiri dalam mewujudkan suasana hidup yang baik bagi haiwan-haiwan.

10. Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya melancarkan Minggu Kebajikan dan Pertunjukan Haiwan Malaysia yang pertama ini dengan rasminya.

Terima kasih.